

# Pesilat berlatih ala-komando

17 AUG 1988

## untuk pertingkatkan kecergasan

B. Harian (M)

2

LATIHAN bercorak komando menjadi asas latihan pusat peringkat kedua skuad silat Sukan SEA '89 selama seminggu di Kuala Terengganu, yang bermula Isnin lalu, bagi meningkatkan kecergasan fizikal selain kemahiran teknik pelatih-pelatih.

Latihan itu dikendalikan oleh

bekas anggota Rejimen Gerak Khas, Tumadi Jahya, yang juga jurulatih silat Pusat Cemerlang Melaka.

SENARAI JUMLAH

Penolong jurulatih kebangsaan, Johari Ibrahim, yakin latihan itu memberi manfaat besar kepada pesilat kebangsaan yang sederhana tahap kecergasannya.

Katanya, corak latihan kali ini lebih mencabar kewibawaan semua pesilat. Ada di kalangan mereka mengeluh dengan corak baru ini.

Sebelum itu, pengurus kebangsaan, Haji Shafie Abdul Rahman, ingin mendapatkan kerjasama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Batu Rakit bagi mengendalikan latihan bercorak tentera tetapi RAMD tidak dapat menunaikan permintaannya kerana anggota mereka terbabit dengan latihan Gonzales.

Bagi memenuhi matlamat, kata Johari, pihaknya memberi peluang kepada Tumadi mengendalikan latihan itu.

"Saya percaya latihan kali ini lebih berkesan di segi kekuatan fizikal dan teknik. Walaupun pada awalnya ramai pesilat tidak bermayas, ia mungkin diatasi selepas dua atau tiga hari," jelasnya.

Selain Johari, latihan teknik dikendalikan oleh ketua jurulatih kebangsaan, Mohd Sani Morni, dan dibantu oleh empat jurulatih Pusat Cemerlang.



■ JOHARI IBRAHIM

Sekalipun empat jurulatih iaitu Osman Juferi (Johor), Mohamad Fadzil (Selangor), Mohd Noor Mahmud (Kelantan) dan Tumadi (Melaka) sekadar pemerhati, kerjasama mereka dihargai.

Sementara itu, hingga semalam, seramai 27 daripada 30 pesilat yang dipanggil sudah memulakan latihan. Kecuali Siti Anida Mahdi, dua pesilat lagi dijangka melapor diri hari ini.

### SENI SILAT PDRM

## 19 AUG 1988 Hanya lapan pasukan layak

B. Harian (M)

HANYA lapan daripada 12 pasukan berjaya melayakkan diri ke suku akhir Kejohanan Seni Silat Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berlangsung di Dewan Hamzah, Klang bermula semalam hingga 20 Ogos ini, *lapor AZMAN ARSHAD.*

SENARAI JUMLAH

Pasukan itu ialah Pusat Latihan Polis Air Hitam, Negeri Sembilan (Pulapah), Bukit Aman, Pusat Latihan Polis Jalan Gurney (Pulapol), Selangor Darul Ehsan, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah.

Kejohanan itu dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu A, B, C, dan D. Kumpulan A mengandungi Pulapah, Pulapol dan Pasukan Polis Hutan Utara manakala Melaka, Johor dan Selangor dalam Kumpulan B.

19 AUG 1988

Hanya lapan pasukan layak

B. Harian (M)

Kumpulan C mengandungi Kuala Lumpur, Terengganu dan Bukit Aman manakala dalam Kumpulan D ialah Negeri Sembilan, Perak dan Sabah.

Semalam, Pulapah menewaskan Pulapol 4-2 dan PPH Utara 4-2, Melaka menundukkan Johor 6-0, seri 3-3 dengan Selangor, tetapi Selangor pula menyingkirkan Johor 6-0.

Kuala Lumpur yang bertindak cemerlang menewaskan Terengganu 5-1, gagal mengekalkan prestasi mereka apabila tumpas kepada Bukit Aman 2-4. Terengganu pula mengatasi Bukit Aman 4-2.

Sabah menguasai Kumpulan D apabila menewaskan Negeri Sembilan 3-2 dan Perak 5-1, manakala Negeri Sembilan cuma seri 2-2 dengan Perak.